


Sejarah Mesir (Republik Arab Bersatu)

(III)

Dalam bidang memperkenalkan negara Mesir maka di bawah ini kita hidangkan kepada para pembaca sekalian sejarah Mesir di zaman baru, yang kita maksudkan zaman baru itu ialah zaman selepas revolusi tentera yang dicituskan pada bulan Julai 1952, untuk melepaskan seluruh rakyat Mesir dari cengkaman kuku besi boneka penjajah *Al-Malik Fārouk*. –Pengarang.

<p>Pemberontakan dan muncul: Sebuah jawatankuasa pegawai-pegawai tentera di bawah pimpinan Colonel Gamal Abdel Nasser memutuskan bahawa tentera mestilah bertindak untuk menyelamatkan Mesir. Dan suatu rampasan kuasa pun berlaku pada 23 haribulan Julai 1952 tanpa tumpah darah. Fārouk turun daripada takhta kerajaannya dan digantikan oleh anaknya yang masih kecil Muḥammad Fūad. Ia meninggalkan negeri itu semasa sebuah Majlis Wakil Raja dibentuk. Sebuah kabinet baharu dibentuk dengan Jeneral Najīb sebagai Perdana Menteri. Majlis Wakil Raja dihapuskan dan pemerintahan beraja pun dihapuskan juga pada 18 haribulan Jun 1953 manakala Najīb menjadi <i>President</i>. Pada 22 haribulan Februari 1954, pemimpin Majlis Pemerintah Pemberontakan, Colonel Nasser, mengambil kuasa penuh. Pemerintahan baharu itu dapat menyelesaikan masalah Sudan dan dan masalah tentera British di dalam</p>	<p>Mesir. Pada 19 haribulan Oktober 1954 suatu perjanjian ditandatangani yang menetapkan penarikan balik tentera British dan pemindahan pangkalan Terusan Suez kepada pemerintah Mesir. Askar-askar British yang akhir sekali telah keluar pada 13 haribulan Jun 1956, suatu pelebagaan baharu telah disusun dan diumumkan dalam bulan Januari 1956, dan pada 23 haribulan Jun 1956 suatu pemungutan suara diadakan. Di dalam pemungutan suara itu hampir semua rakyat menyetujui perlebagaan baharu itu dan memberi sokongan kepada Gamal Abdel Nasser sebagai <i>President</i>. Pada 26 haribulan Julai 1956 <i>President</i> Nasser mengemukakan bahawa pemerintah Mesir mengambil alih kuasa dan milik Terusan Suez. Pada 29 haribulan Oktober 1956 Israel melancarkan serangan besar-besaran ke atas Gaza dan Sinai. Pada 13 haribulan Oktober serangan-serangan</p>	<p>udara oleh British dan Perancis ke atas Mesir dimulakan dan askar-askar didaratkan di sebelah utara Terusan Suez pada 5 haribulan November. Sementara itu, pada 2 haribulan November Bangsa-bangsa Bersatu mengutuk serangan-serangan terhadap Mesir dan menuntut supaya diberhentikan tembak-menembak. Dua hari kemudiannya Bangsa-bangsa Bersatu meluluskan rancangan untuk mengadakan pasukan cemas Bangsa-bangsa Bersatu bagi memberhentikan pertempuran-pertempuran. Pada masa tembak-menembak berhenti, tentera British – Perancis menduduki <i>Port Sa'id</i> dan bahagian utara Terusan Suez dan tentera Israel menduduki sebahagian terbesar daripada Sinai. Penarikan balik tentera British - Perancis telah selesai dalam bali yang berikutan dan tentera Israel keluar dari Gaza dan Sinai tidak lama lepas itu. Terusan Suez yang disekat lalu lintas kepada kapal-kapal oleh Mesir</p>
---	---	---



Pemandangan yang indah di sebelah pekarangan Masjid Muhammad 'Ali di Kaherah. Kubah di tengah-tengah pekarangan itu ialah tempat mengambil air sembahyang.

pada 2 haribulan November telah dilapangkan dan dibuka balik pada 29 haribulan Mac 1957. Britain dan Perancis terpaksa menyetujui rancangan Mesir berkenaan dengan pengawalan dan penggunaan Terusan Suez dan penguasa Terusan Mesir berkuasa penuh dalam hal ehwal terusan itu. Pada 1 haribulan Februari 1958 Syria dan Mesir bersatu untuk menubuhkan Republik Arab Bersatu dan pada 8 haribulan March 1958 sebuah kesatuan *federal* dengan Yaman dibentuk. Dalam bulan September 1961 Syria menarik diri daripada Republik Arab Bersatu dan pada 26 haribulan Disember tahun itu juga Mesir memutuskan *federal* dengan Yaman.

Tetapi Mesir terus-menerus menggunakan nama Republik Arab Bersatu dan di bawah pimpinan *President Nasser* negeri itu telah melangkah jauh ke hadapan dalam berbagai-bagai lapangan.

Tinjauan Ekonomi

Umum: Ekonomi Mesir berasaskan pertanian sebelum pemberontakan. Tetapi di bawah pimpinan *President Nasser* Mesir menjadi sebuah negeri yang tidak bergantung kepada pertanian semata-mata. Perubahan-perubahan besar dalam sistem ekonomi telah membawa kemantapan ekonomi dan kemajuan yang tercapai dalam serba lapangan sejak pemberontakan itu sangatlah mengagumkan.


Pertanian: Kira-kira 80 peratus daripada rakyatnya masih mempunyai perikatan dengan pertanian, dan kawasan yang dikerjakan sebagai ladang ialah 5,749,000 *fadān* (1 *fadān* = 1.04 ekar). Tetapi, oleh kerana pada umumnya penuaian dapat dilakukan dua kali setahun, maka ini bermakna bahawa kawasan pertanian adalah seluas 10 juta *fadān*. Gandum dan beras Belanda, yang kebanyakannya ditanam di Mesir Atas, merupakan tanaman-tanaman di musim sejuk. Sebelum Perang Dunia yang Kedua, Mesir mengeksport gandum, tetapi dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini tiada dapat dilakukan oleh kerana penduduk-penduduknya telah bertambah ramai; dan gandum terpaksa diimportkan

sekarang. Jagung dan jelai ditanam di musim panas. Padi ditanam di banting dan sebahagian daripadanya dieksporthkan. Pengeluaran biji-bijian bagi tahun 1961 ialah: gandum 1.4 juta tan; jagung 1.6 juta tan; jelai 631,000 tan; beras Belanda 133,000 tan; beras 1.1 juta tan. Selain daripada itu kacang-kacang dan biji-bijian ditanam dengan banyaknya dan dieksporth apabila ada yang lebih daripada yang diperlukan. Buah-buahan yang banyak ditanam ialah; limau 294,000 tan, anggur 99,000 tan; pisang 65,000 tan; kurma 335,000 tan. Bahan-bahan pertanian yang dijual ialah kapas, tebu, bawang besar dan biji minyak. Mesir adalah negeri kelima di dalam dunia yang paling banyak mengeluarkan


kapas; ia mengeluarkan kira-kira 6 peratus daripada kapas yang dikeluarkan oleh semua negeri di dalam dunia. Tetapi Mesir mengeluarkan paling banyak sekali kapas jenis panjang; ia mengeluarkan di antara 40 dengan 50 peratus daripada jumlah pengeluaran dunia. Eksport kapas bagi tahun 1961 ialah 5.9 juta *qinṭār* (1 *qinṭār* =99.05 pound) berharga 104.6 juta pound Egypt; ini ialah 65 peratus daripada jumlah eksport. Pengeluaran tebu dalam tahun 1960-61 ialah 4 juta tan, dan gula dan air tebu adalah dieskportkan juga. Pengeluaran bawang besar bagi tahun itu juga ialah 570,000 tan, dan biji minyak 988,000 tan.

Sayur-sayuran yang banyak dikeluarkan: ialah tomato, terung, *okra*, cendawan dan *molokhia*, yaitu sejenis sayuran seakan-akan bayam yang sangat digemari oleh orang-orang Mesir. Pengeluaran ubi kentang bagi tahun 1961 ialah 400,000 tan.

Empangan Aswān: Oleh kerana penduduk-penduduknya bertambah ramai maka kawasan pertanian perlulah diperluaskan. Boleh dikatakan semua pertanian dilakukan di tanah yang diairkan oleh sungai Nil, dan sebarang pengeluasaan kepada kawasan pertanian mestilah bergantung kepada adanya lebih banyak air. Pengeluasaan yang besar mestilah menunggu rancangan membentung air, termasuk pembinaan empangan Aswān. Apabila siap, empangan itu akan melahirkan



Sebuah benteng perkubuan yang dibina di zaman Kerajaan Al-'Uthmānī terletak di atas sebuah bukit di Kaherah.



Tanah perkuburan khas untuk sultan-sultan di zaman Al-Mamālik masih dapat dilihat bekas-bekasnya di Mesir.

sebuah kolam air seluas 739 batu persegi dan akan membolehkan Mesir meluaskan kawasan pertaniannya sebanyak 2 juta ekar. Empangan itu akan juga membolehkan pembinaan pusat kuasa letrik yang paling besar di dunia, yang dapat mengeluarkan kuasa letrik sepuluh kali lebih banyak daripada yang terdapat di Mesir sekarang, dan dengan itu akan terdapat perindustrian. Belanja rancang usaha ini, yang akan memakan masa tujuh tahun, ditafsirkan sebanyak 345 juta pound Egypt. Di bawah suatu perjanjian yang ditandatangani dalam tahun 1960, Russia bersetuju membekalkan semua wang asing yang diperlukan oleh pembinaan empangan tersebut,

berjumlah 124 juta pound Egypt, serta bantuan teknik.

Perubahan sistem memiliki

tanah: Pada tahun 1952 lebih daripada dua setengah juta tuan-tuan punya tanah mempunyai kurang daripada 5 *fadān* tiap-tiap seorang dan 80 peratus daripada mereka mempunyai kurang daripada satu *fadān*, dan lebih daripada satu pertiga daripada tanah yang boleh dijadikan ladang dimiliki oleh kurang daripada 11,000 orang. Keadaan ini menyebabkan Majlis Revolusi mengeluarkan suatu perintah dalam bulan September 1952, menghadkan tanah yang dimiliki oleh seseorang kepada 200 *fadān*. Menjelang bulan Julai 1961, 430,000 *fadān* telah dibahagikan semula kepada rakyat

umum. Suatu lagi perintah dikeluarkan pada 10 haribulan Julai 1961 menghadkan tanah yang dimiliki oleh seseorang kepada 100 *fadān*; ini akan menyebabkan 300,000 *fadān* lagi dibahagikan semula kepada rakyat. Tuan-tuan punya tanah yang tanahnya diambil oleh kerajaan akan mendapat ganti rugi dalam masa 40 tahun sedangkan petani-petani akan dapat membeli tanah dengan bayaran ansuran yang kecil.

Rancang usaha penggunaan tanah:

Selain daripada penggunaan tanah yang akan menyusul pembinaan empangan Aswān, rancang usaha-rancang usaha telah juga dimulakan untuk memperhasilkkan tanah-tanah yang merupakan padang pasir dengan menggunakan air yang ada di bawah

tanah dan air hujan. Ini termasuk 100,000 *fadān* dalam rancang usaha lembaga baharu dan wilayah Tahrīr (*Madīrīt Tahrīr*) dengan menggunakan air di bawah tanah. Wilayah Tahrīr di bahagian barat beting sekarang mempunyai kampung-kampung *modern*, rumah-rumah *modern*, syarikat-syarikat kerjasama dan pusat-pusat kesihatan. Rancang usaha lembah baharu meliputi lima kawasan subur di Padang Pasir Barat di mana banyak kumpulan air di bawah tanah telah dijumpai dan dengan menggunakan kaedah menggali lubang dalam adalah diharap akan dapat mengepam air dengan banyaknya ke paras bumi untuk digunakan kerana pertanian.


Binatang ternak: Dahulu perusahaan menternak binatang diabaikan, tetapi selepas

pemberontakan perusahaan ini diberi perhatian. Rancangan-rancangan untuk memperbaiki jenis binatang-binatang ternak telah dijalankan. Tumbuh-tumbuhan untuk menjadi makanan binatang telah dibawa ke negeri itu dan eksport kepingan biji kapas, dedak dan lain-lain bahan makanan binatang telah diberhentikan supaya dapat digunakan di negeri itu sendiri. Bilangan binatang-binatang ternak pada tahun 1961 ditafsirkan seperti berikut: kerbau air 1.5 juta ekor; lembu 1.6 juta ekor; kambing biri-biri 1.7 juta ekor; keldai 1 juta ekor; kambing jati 888,000 ekor; unta 205,000 ekor; kuda 49,000 ekor.

Perikanan: Ikan dan lain-lain binatang laut adalah satu daripada


sumber-sumber kekayaan negeri itu. Selain daripada pantai sepanjang kira-kira 1,500 batu, dan banyak tasik-tasik di seluruh negeri itu. Pengeluaran pada masa ini ialah 100,000 hingga 120,000 tan setahun, berharga 10 juta pound Egypt. Kolam-kolam ikan kepunyaan kerajaan telah diadakan dan berbagai-bagai jenis ikan telah dibawa dari negeri-negeri lain. Sebuah kilang menyimpan udang dalam air batu telah dibuka dan 1,000 tan ikan telah ditetapkan untuk diekspot pada tiap-tiap tahun. Ini akan diperbanyakkan dengan pengeluaran ikan bertambah banyak.

Bahan-bahan galian: Minyak telah dijumpai di Rās Gharīb di Teluk Suez beberapa tahun sebelum tahun 1940 dan ini menjadikan penting pengeluaran



Patung seorang penganjur kebangsaan Mesir Sa'ad Zaghlūl terdiri dengan hebatnya menghiasi pantai Kota

Alexandria yang indah permai.



Pemandangan jalan pinggir laut di Kota Alexandria. Sungguh indah dan menarik perhatian para pelancong.

petroleum. Pengeluaran dari telaga minyak itu telah berkurangan sekarang tetapi minyak telah dijumpai di lain-lain tempat, iaitu di Blaine, Abū Radīs, Bakr dan Kareem dan ini adalah lebih daripada memenuhi kekurangan itu. Telaga minyak itu dipunyai oleh *General Petroleum Company*, dan pada tahun 1961 sebuah syarikat kepunyaan kerajaan telah mengambil alih hak dan telaga minyak *Anglo Egyptian Oilfields*. Pengeluaran dalam tahun 1962 ialah 4.7 juta tan. Rancangan kerajaan bertujuan untuk menambah pengeluaran hingga hampir 8 juta tan menjelang tahun 1965. Ada dua kilang tapisan minyak kepunyaan kerajaan di Suez dan sebuah di Alexandria. Dengan kilang-kilang itu dibesarkan baharu-baharu ini, pengeluaran telah bertambah kepada 6.4 juta tan setahun. Minyak yang digunakan di negeri itu, khususnya minyak bahan bakar, telah

bertambah banyak dalam beberapa tahun yang lampau. Perkhidmatan kereta api negara menggunakan lebih daripada 500,000 tan minyak bahan bakar setahun, dan jumlah minyak bahan bakar yang digunakan di negeri itu meningkat 2.6 juta tan dalam tahun 1960. Dalam musim panas tahun 1960, *General Petroleum Company* mempelawa tawaran-tawaran daripada syarikat-syarikat minyak antarabangsa untuk mendapatkan kebenaran mencari minyak di sesuatu kawasan seluas 417,500 kilometer persegi di Padang Pasir Barat. Oleh kerana tiada tawaran yang memuaskan, *General Petroleum Corporation* mungkin menjalankan kerja menggali minyak itu. Tawaran-tawaran dipelawa juga untuk menjalankan penyelidikan di Teluk Suez. Sebatang paip minyak, 12 inci besar, yang menghubungkan Suez dengan Kaherah telah disiapkan oleh kerajaan dalam

tahun 1956; ia boleh mengalirkan 2.3 juta tan minyak. *Phosphate* telah dijumpai di beberapa tempat, khususnya di pantai Laut Merah dan Nil di Mesir Atas. Pengeluaran *phosphate* dalam tahun 1962 ialah 562,000 tan. Batu kapur, tanah liat dan *gypsum* juga didapati dan ini menggalakkan perusahaan membuat simen. Bijih besi didapati di lombong-lombong di Aswān. Pengeluaran bijih besi bertambah daripada 246,145 tan tahun 1959 kepada 461,000 tan dalam tahun 1962. Usaha mencari arang batu telah berhasil; arang batu telah dijumpai dengan banyaknya di daerah 'Ayn Mūsā, di mana timbunan-timbunan terdapat dalam kawasan seluas 38 kilometer persegi, dan timbunan-timbunan ditafsirkan 39.9 juta tan. Bahan-bahan galian yang lain termasuk batu kawi, *asphalt* dan garam.

(Bersambung)